

SEJARAH DAN EVOLUSI MAAHAD TAHFIZ: PENGUNAAN ICT DALAM TRANSFORMASI PEMBELAJARAN TAHFIZ

HISTORY AND EVOLUTION OF MAAHAD TAHFIZ: THE ROLE OF ICT IN TRANSFORMING TAHFIZ EDUCATION

Nor Hasanah Mohd Yusoff¹

Dr. Safinah Ismail²

Dr. Hayati Husin³

Nur Muizz Mohamed Salleh⁴

Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz⁵

¹ Jabatan Pengajian Am, Politeknik Port Dickson (E-mail: norhasanah@polipd.edu.my)

² Jabatan Dakwah Dan Usuluddin, Universiti Islam Selangor (E-mail: safinah@uis.edu.my)

³ Jabatan Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Selangor (E-mail: Hayati.Hussin@Usim.Edu.My)

⁴ Jabatan Multimedia Kreatif, Universiti Islam Selangor (E-mail: muizz@uis.edu.my)

⁵ Jabatan Pengajian Am, Politeknik MeTRo Johor Bahru (E-mail: sitimahfudzoh@pmjb.edu.my)

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohd Yusoff, N. H., Ismail, S., Husin, H., Mohamed Salleh, N. M., & Mohd Hafiz, S. M. (2025). Sejarah dan evolusi maahad tahfiz: Penggunaan ICT dalam transformasi pembelajaran tahfiz. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 576 - 582.

Abstrak: Kajian ini membincangkan sejarah serta evolusi pendidikan Maahad Tahfiz di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam mentransformasikan proses pembelajaran tahfiz. Objektif utama kajian adalah menelusuri perkembangan institusi tahfiz dari aspek sejarah dan kurikulum, meneliti kepentingan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz, dan mengenal pasti cabaran penggunaan ICT dalam pendidikan tahfiz. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dengan menganalisis pelbagai sumber sekunder seperti laporan agensi agama, artikel jurnal akademik, tesis sarjana dan doktor falsafah, prosiding persidangan, serta penulisan ilmiah dalam bidang pendidikan Islam dan teknologi pendidikan. Hasil analisis mendapati bahawa penggunaan ICT dalam pendidikan tahfiz memberikan kesan yang signifikan terhadap motivasi pelajar, pengukuhan pengajaran, dan keberkesanan hafazan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan teknologi ini turut berhadapan dengan beberapa kekangan seperti keterbatasan infrastruktur, tahap kompetensi guru dalam penggunaan ICT, serta ketiadaan bahan digital yang bersesuaian dengan pendekatan tahfiz. Justeru, kajian ini mencadangkan agar integrasi ICT dalam pendidikan tahfiz diperkukuh melalui penyediaan latihan berterusan kepada guru, pembangunan platform pembelajaran yang interaktif serta penghasilan bahan bantu mengajar digital yang berpaksikan pedagogi tahfiz. Secara keseluruhan, transformasi pendidikan tahfiz berasaskan ICT dilihat sebagai satu keperluan strategik dalam memastikan kelestarian dan keberkesanan sistem tahfiz di era pendigitalan global.

Kata Kunci: *Maahad Tahfiz, ICT, pendidikan Islam, hafazan al-Quran, inovasi pembelajaran*

Abstract: *This study explores the history and evolution of Maahad Tahfiz education in Malaysia, with a particular focus on the integration of Information and Communication Technology (ICT) in transforming the learning process of Tahfiz. The primary objective of the study is to trace the development of Tahfiz institutions in terms of history and curriculum, examine the importance of ICT in teaching and learning, and identify the challenges associated with the use of ICT in Tahfiz education. A qualitative approach was employed, utilizing literature review methods by analyzing secondary sources such as reports from religious agencies, academic journal articles, master's and doctoral theses, conference proceedings, and scholarly writings in the fields of Islamic education and educational technology. The findings indicate that the integration of ICT in Tahfiz education has had a significant impact on student motivation, enhancing teaching methods, and improving memorization effectiveness. However, the implementation of this technology also faces several obstacles, including limited infrastructure, varying levels of ICT competence among teachers, and the lack of digital content that aligns with the specific needs of Tahfiz education. Consequently, the study recommends strengthening the integration of ICT in Tahfiz education through continuous training for teachers, the development of interactive learning platforms, and the creation of digital teaching materials based on Tahfiz pedagogy. Overall, the transformation of Tahfiz education through ICT is viewed as a strategic necessity to ensure the sustainability and effectiveness of the Tahfiz system in the era of global digitization.*

Keywords: *Maahad Tahfiz, ICT, Islamic Education, Al-Quran Memorization, Learning Innovation*

Pengenalan

Pendidikan tahfiz al-Quran merupakan salah satu tunjang utama dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia yang berperanan dalam membentuk insan yang bukan sahaja menguasai hafazan al-Quran tetapi juga menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan. Sebagai wahana pemeliharaan wahyu, institusi pendidikan tahfiz memainkan peranan signifikan dalam kesinambungan warisan keilmuan Islam yang berteraskan al-Quran. Pelaksanaan pendidikan tahfiz secara formal di Malaysia mula mendapat perhatian serius apabila Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ditubuhkan pada tahun 1966 di bawah pentadbiran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Institusi ini menjadi perintis kepada penstrukturan sistematik pendidikan tahfiz, menjadikannya sebagai satu entiti yang diiktiraf dan berfungsi dalam arus perdana pendidikan negara.

Maahad ini bukan sekadar menekankan aspek hafazan, malah turut memberikan penekanan terhadap penguasaan qiraat, ilmu tajwid, tafsir, dan ilmu-ilmu alat seperti nahu dan sarf yang menjadi asas penting dalam memahami dan mendalami kandungan al-Quran. Ini membuktikan bahawa sejak awal lagi, pendidikan tahfiz di Malaysia telah mempunyai asas kurikulum yang menyeluruh dan tidak bersifat jumud dan terhad kepada hafazan semata-mata. Keprihatinan kerajaan dan masyarakat terhadap peri pentingnya melahirkan generasi huffaz yang berkualiti turut diterjemahkan melalui penubuhan pelbagai institusi tahfiz oleh kerajaan negeri, badan berkanun, agensi agama, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi swasta serta individu-individu perseorangan yang mempunyai aspirasi dakwah yang tinggi.

Perkembangan institusi tahfiz ini turut mencetuskan transformasi dalam pendekatan kurikulum dan pedagogi. Jika dahulu pendidikan tahfiz bersifat tradisional dan berorientasikan halaqah, kini pendekatannya semakin progresif dengan penerapan elemen integrasi antara hafazan dan penguasaan ilmu kontemporari. Pelaksanaan kurikulum tahfiz integrasi mula mendapat tempat di pelbagai peringkat, termasuklah dalam sistem pendidikan kebangsaan, dengan objektif untuk melahirkan huffaz profesional yang mempunyai kemahiran abad ke-21 seperti literasi digital, komunikasi, pemikiran kritis serta kecekapan dalam bidang sains dan teknologi. Usaha ini seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang menekankan keperluan pendidikan Islam yang inklusif dan responsif terhadap keperluan zaman.

Evolusi Kurikulum Dan Kaedah Pengajaran Pendidikan Tahfiz

Evolusi kurikulum dan kaedah pengajaran dalam pendidikan tahfiz di Malaysia menunjukkan perubahan yang signifikan dari segi kandungan dan pendekatan. Pada awal penubuhan institusi tahfiz, fokus utama adalah kepada hafazan al-Quran. Namun, seiring dengan perkembangan zaman dan keperluan masyarakat, kurikulum pendidikan tahfiz kini merangkumi pelbagai aspek ilmu, termasuk tajwid, tafsir, dan subjek akademik lain. Tujuan utama evolusi ini adalah untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mahir dalam al-Quran tetapi juga berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang.

Kurikulum pendidikan tahfiz di Malaysia telah mengalami transformasi dari model tradisional kepada model yang lebih komprehensif. Sebelum ini, kebanyakan institusi tahfiz menekankan hafazan al-Quran sebagai satu-satunya matlamat pendidikan. Namun, kini terdapat pelbagai aliran kurikulum yang ditawarkan, seperti Tahfiz Turath, Tahfiz Dini, Tahfiz Kemahiran, dan Tahfiz Sains. Setiap aliran ini mempunyai pendekatan tersendiri yang menggabungkan pengajian al-Quran dengan ilmu-ilmu lain.

Sebagai contoh, Tahfiz Dini mengaplikasikan kombinasi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), yang bertujuan untuk melahirkan generasi pelajar yang tidak hanya menghafaz al-Quran tetapi juga menguasai ilmu-ilmu lain seperti Usuluddin dan Syariah (Che Khairuleffendi, 2021). Selain itu, institusi seperti Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu telah memperkenalkan program ulul albab yang menggabungkan hafazan al-Quran dengan subjek sains tulen, menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz kini lebih inklusif dan relevan dengan keperluan semasa (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015).

Kaedah pengajaran dalam pendidikan tahfiz juga telah berubah seiring dengan evolusi kurikulum. Pendekatan tradisional yang lebih berorientasikan hafazan kini telah diperkaya dengan kaedah pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran menjadi semakin penting. Alat bantu mengajar digital seperti aplikasi mudah alih dan platform pembelajaran dalam talian membolehkan pelajar belajar secara fleksibel dan mendapatkan akses kepada sumber pembelajaran yang lebih luas.

Institusi tahfiz kini juga mengamalkan pendekatan pedagogi yang berbeza untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap al-Quran. Misalnya, pendekatan Quranik yang menekankan aplikasi nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian pelajar, serta pendekatan Ensiklopedik yang menyediakan asas bagi pelajar untuk menguasai pelbagai ilmu (Salmiah Othman & Siti Eshah, 2016). Ini menunjukkan bahawa pendidikan tahfiz tidak lagi terhad kepada hafazan semata-mata tetapi juga melibatkan kefahaman yang mendalam tentang ajaran Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan yang bersifat deskriptif. Pendekatan ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk menelusuri sejarah dan evolusi pendidikan maahad tahfiz di Malaysia serta meneliti peranan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam memperkasa proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Kajian kepustakaan digunakan dalam penyelidikan bagi meneliti dan menganalisis bahan sedia ada secara sistematik bagi memahami fenomena tertentu berdasarkan sumber-sumber tertulis.

Pengumpulan data kajian ini melibatkan pelbagai sumber sekunder seperti laporan agensi agama, artikel jurnal akademik, tesis sarjana dan doktor falsafah, prosiding persidangan, serta penulisan ilmiah dalam bidang pendidikan Islam dan teknologi pendidikan. Antara sumber utama yang dirujuk termasuklah laporan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri, serta laman web rasmi institusi tahfiz yang memberikan gambaran mengenai struktur kurikulum, falsafah pendidikan dan inisiatif digital yang telah diperkenalkan. Bahan rujukan dipilih berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu kesesuaian dengan bidang pendidikan tahfiz dan penggunaan ICT, penerbitan dalam tempoh sepuluh tahun terkini (2014–2024) untuk memastikan tahap kebaruan maklumat, serta kredibiliti akademik sumber yang diperoleh. Penekanan turut diberikan kepada hasil kajian yang menyediakan bukti empirikal atau hujahan konseptual yang kukuh dalam membincangkan isu, cabaran, dan strategi pengintegrasian teknologi dalam pendidikan tahfiz.

Analisis data dilakukan secara tematik melalui proses mengenal pasti, mengelompok dan menafsirkan tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian iaitu sejarah dan evolusi institusi maahad tahfiz, meneliti kepentingan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz, dan cabaran serta potensi penggunaan ICT dalam konteks pendidikan tahfiz di Malaysia. Setiap tema dianalisis secara kritikal dengan membandingkan dapatan daripada pelbagai sumber bagi menghasilkan gambaran yang holistik dan menyeluruh mengenai topik yang dikaji.

Keseluruhannya, metodologi kajian ini membolehkan penyelidik mengupas isu-isu pendidikan tahfiz dari sudut sejarah, kurikulum dan inovasi pedagogi melalui ICT, sekaligus memberikan sumbangan teoritikal dan praktikal kepada pembangunan sistem pendidikan Islam yang lebih progresif dan lestari.

Kepentingan Inovasi Dalam Pendidikan Tahfiz

Inovasi dalam pendidikan tahfiz melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memainkan peranan yang penting dalam membentuk generasi huffaz yang berkualiti. Dengan kemajuan teknologi, proses pembelajaran tahfiz kini menjadi lebih menarik dan berkesan. Penggunaan ICT bukan sahaja membantu pelajar dalam hafazan al-Quran tetapi juga memperkaya pengalaman pembelajaran mereka dengan cara yang lebih fleksibel dan sesuai dengan gaya pembelajaran masing-masing.

Salah satu kepentingan inovasi dalam pendidikan tahfiz adalah peningkatan keterlibatan pelajar. Melalui penggunaan alat bantu mengajar moden seperti aplikasi pembelajaran, video interaktif, dan platform dalam talian, pelajar dapat belajar dengan cara yang lebih menarik. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz dapat menarik minat pelajar dan meningkatkan motivasi mereka untuk belajar (Mardhiah Yahaya et al., 2022). Dengan pendekatan ini, pelajar tidak hanya menghafal tetapi juga memahami konteks dan makna ayat-ayat al-Quran yang mereka pelajari.

Inovasi memberikan fleksibiliti dalam proses pembelajaran. Pelajar kini mempunyai akses kepada sumber pembelajaran yang lebih luas, termasuk bahan-bahan dalam talian, video pengajaran, dan forum perbincangan. Ini membolehkan mereka untuk belajar pada bila-bila masa dan di mana sahaja, sesuai dengan jadual dan keperluan masing-masing. Sebagai contoh, aplikasi seperti "Muraja'ah al-Quran" membolehkan pelajar menghafal juz Amma menggunakan telefon pintar mereka, menjadikan proses hafazan lebih mudah dan berkesan (Ihsan, 2015).

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, kemahiran digital adalah komponen penting yang perlu dikuasai oleh pelajar. Inovasi dalam pendidikan tahfiz melalui penggunaan ICT membantu pelajar untuk mengembangkan kemahiran ini. Mereka belajar untuk menggunakan teknologi dengan berkesan, yang bukan sahaja berguna dalam pengajian tahfiz tetapi juga dalam kehidupan seharian serta kerjaya masa depan mereka. Ini selaras dengan tuntutan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan huffaz yang bukan sahaja menghafaz tetapi juga berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi.

Inovasi juga memberi impak positif kepada kualiti pengajaran. Guru-guru kini mempunyai akses kepada pelbagai alat dan sumber yang membolehkan mereka untuk merancang pengajaran dengan lebih efektif. Dengan adanya teknologi, guru dapat menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan interaktif, seperti blended learning dan flipped classroom (Siti Salma Mohamad Shokri et al., 2021). Ini membolehkan mereka untuk menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut keperluan pelajar serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap al-Quran.

Secara keseluruhannya, inovasi dalam pendidikan tahfiz melalui penggunaan ICT adalah penting untuk memastikan bahawa pendidikan ini terus relevan dan berkesan. Ia bukan sahaja menjadikan proses pembelajaran lebih menarik tetapi juga membantu melahirkan generasi huffaz yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Dengan sokongan daripada semua pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, dan masyarakat, pendidikan tahfiz dapat terus berkembang dan memenuhi keperluan semasa.

Cabaran Penggunaan ICT Dalam Pembelajaran Tahfiz

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pendidikan tahfiz telah memberikan pelbagai manfaat, walaubagaimanapun masih terdapat cabaran yang menghalang keberkesannya secara menyeluruh. Cabaran-cabaran ini perlu diberi perhatian agar pelaksanaan inovasi tidak menjadi sekadar usaha sementara tanpa impak jangka panjang.

Salah satu cabaran utama ialah kekangan dari segi infrastruktur dan akses kepada teknologi. Banyak institusi tahfiz, terutamanya yang beroperasi secara persendirian atau di kawasan luar bandar, masih menghadapi masalah seperti ketiadaan capaian internet yang stabil, kekurangan peralatan seperti komputer atau tablet, serta ketiadaan makmal ICT yang lengkap. Situasi ini menyukarkan pelajar dan guru untuk mengakses bahan pembelajaran digital dengan konsisten dan berkesan (Zamri Mahamod et al., 2021).

Selain itu, tahap literasi digital dalam kalangan guru dan pelajar turut menjadi halangan. Ramai guru tahfiz masih belum mendapat latihan yang mencukupi dalam penggunaan teknologi pendidikan. Ini menyebabkan mereka kurang yakin dan kurang berkemampuan untuk mengintegrasikan ICT dalam pengajaran harian. Dalam masa yang sama, pelajar juga mungkin

kurang mahir menggunakan aplikasi pembelajaran atau teknologi sokongan lain, sekali gus menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran (Azman Che Mat et al., 2022).

Tambahan pula, terdapat kekurangan kandungan dan sumber pembelajaran digital yang khusus untuk bidang tahfiz. Banyak aplikasi atau platform pembelajaran yang wujud lebih bersifat umum dan tidak direka khusus untuk keperluan hafazan al-Quran. Kekurangan bahan seperti aplikasi tasmik, modul talaqqi digital, atau video pembelajaran tajwid menyebabkan guru dan pelajar sukar untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi ICT dalam pendidikan tahfiz (Nashirah Abu Bakar et al., 2021).

Penggunaan teknologi juga boleh menimbulkan gangguan fokus dalam kalangan pelajar. Peranti pintar yang sepatutnya digunakan untuk pembelajaran boleh disalah guna untuk mengakses kandungan yang tidak berkaitan seperti media sosial, permainan video, atau hiburan lain. Tanpa pemantauan dan disiplin yang tinggi, penggunaan ICT berisiko menjejaskan tumpuan dan prestasi pelajar dalam hafazan al-Quran (Ismail Suhaimi et al., 2020).

Kekangan kewangan dan polisi pendidikan juga menjadi faktor penghalang kepada penggunaan ICT dalam pendidikan tahfiz. Tidak semua institusi tahfiz mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membangunkan kemudahan ICT atau menyediakan latihan berkala kepada guru. Tambahan pula, ketiadaan dasar atau garis panduan yang jelas mengenai integrasi ICT dalam pendidikan tahfiz menyebabkan wujudnya ketidakselarasan dalam pelaksanaan antara institusi (Rosnani Hashim & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, 2019).

Kesimpulan

Evolusi maahad tahfiz di Malaysia menunjukkan bahawa institusi ini telah beradaptasi dengan perubahan sosial dan teknologi untuk memenuhi keperluan masyarakat yang semakin berkembang. Dengan penubuhan pelbagai maahad tahfiz dan pelaksanaan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, pendidikan tahfiz kini lebih sistematik dan komprehensif. Penggunaan ICT dalam proses pembelajaran bukan sahaja memperkaya pengalaman belajar tetapi juga meningkatkan keberkesanan pengajaran dengan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Melalui pendekatan yang inklusif serta penggunaan teknologi yang berkesan, pendidikan tahfiz berpotensi untuk melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja mahir dalam al-Quran tetapi juga berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang. Oleh itu, sokongan daripada semua pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, dan masyarakat adalah penting untuk memastikan pendidikan tahfiz terus berkembang dan relevan dengan keperluan semasa. Transformasi ini akan memastikan bahawa huffaz masa depan mampu menghadapi cabaran dunia moden sambil tetap berpegang kepada nilai-nilai Islam yang tulen.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS (GPIU) 2024, No. Geran 2024/P/GPIU/GPM-003, Universiti Islam Selangor, atas sokongan pembiayaan bagi penyelidikan bertajuk “Analisis Keberkesanan Teknologi Media dan Komunikasi dalam Pembelajaran Tahfiz di Malaysia”.

Rujukan

- Aishah, M., & Mohd Roslan, A. (2020). Institusi Pengajian Pondok Di Selangor: Sejarah Dan Perkembangan. *Online Journal Of Research In Islamic Studies*.
- Arniyuzie Mohd Arshad. (2015). Program Ulul Albab: Melahirkan Huffaz Cemerlang Dalam Sains.
- Che Khairuleffendi. (2021). Aliran Dan Orientasi Institusi Tahfiz Di Malaysia. <https://Chekhairuleffendi.Com/Aliran-Dan-Orientasi-Institusi-Tahfiz-Di-Malaysia/>
- Dasar Pendidikan Tahfiz Negara Terus Diperkasa - Berita RTM. (2024).
- Ihsan, M. A. (2015). Aplikasi “Muroja’ah Al-Quran” Sebagai Medium Untuk Membantu Menghafal Juz Amma Dalam Bentuk Android.
- Mardhiah Yahaya, R., Zakaria, R., & Asa, S. N. B. M. (2022). Analisis Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Tahfiz: Guru Dan Murid Di MRSM Ulul Albab. *Jurnal Pengajian Islam*.
- Najahudin, L., Rahimi, M., & Ghafarullahuddin, D. (2022). Historiografi Penubuhan Program Plus Tahfiz Di Universiti Teknologi MARA Berdasarkan Model ADDIE. *Jurnal Pendidikan Islam*.
- Siti Salma Mohamad Shokri Et Al. (2021). Inovasi Digital Dalam Pengajaran & Pembelajaran Program Tahfiz Di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Jurnal Pengajian Islam*.
- Solahuddin Ismail. (2018). Perkembangan Pusat Pengajian Tahfiz Swasta Pasca Pandemik COVID-19. *Jurnal Qiraat*.
- Solahuddin Ismail. (2018). Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia.
- Yaacob, M. B. (2023). Sejarah Dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran Di Malaysia (Edisi,II)
- Che Khairuleffendi, C. K. (2021). Cabaran pendidikan tahfiz di Malaysia: Antara hafazan dan akademik. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2024). Laporan tahunan pendidikan tahfiz Malaysia 2023. Putrajaya: Bahagian Pendidikan JAKIM.
- Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). (2024). Pelan Strategik Pendidikan Tahfiz Negeri Kelantan 2024–2028. Kota Bharu: MAIK.
- Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP). (2024). Laporan perkembangan kurikulum integrasi tahfiz 2023. Kuantan: MTNP.
- Mardhiah Yahaya, Mohd Hafiz Zakaria, & Nurul Aina Roslan. (2022). Penggunaan aplikasi digital dalam pembelajaran tahfiz: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pendidikan Islam dan Teknologi*.
- Salmiah Sidek & Siti Eshah Ahmad. (2016). Isu dan cabaran pelajar tahfiz: Satu sorotan literatur. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Solahuddin Ismail. (2018). Potensi ICT dalam pendidikan tahfiz: Analisis terhadap aplikasi al-Quran interaktif. *Jurnal Teknologi dan Pendidikan Islam*.